

Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX
Tarikh : 21 hb. Oktober 2011

PEKELILING BENDAHARI BIL. 11/2011

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia, dan
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEROLEHAN BERKAITAN 'INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT)' DAN RANGKAIAN INTERNET

Tujuan

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua PTJ mengenai tatacara perolehan berkaitan ICT berikut :-

- i). Perisian komputer, lesen pengguna termasuk naik taraf, pembaharuan lesen daripada pemilik atau pembekal tunggal/agen tunggal yang dilantik secara sah oleh pemilik perisian berkenaan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- ii). Langganan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian termasuk pelanjutan tempoh langganan daripada pemilik atau pembekal tunggal/agen tunggal yang dilantik secara sah oleh pemilik berkenaan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan ; dan
- iii). Pelanjutan kontrak penyelenggaraan dan menaik taraf perkhidmatan rangkaian ICT dan perkhidmatan internet dengan pembekal perkhidmatan sedia ada.

Latar Belakang

2. Tatacara Perolehan Perisian Komputer, Lesen Pengguna Termasuk Naik Taraf, Pembaharuan Lesen Daripada Pemilik atau Pembekal Tunggal/Agen Tunggal yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2002 dan Perolehan Langganan Pangkalan Data, Jurnal Dan Maklumat Secara Atas Talian yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2009 telah dikaji semula dan seterusnya dikemas kini selaras dengan perkembangan teknologi dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

A. PEROLEHAN PERISIAN KOMPUTER ATAU LESEN PENGGUNA

3. PTJ adalah dibenarkan untuk membuat perolehan perisian komputer atau lesen pengguna bagi perisian khusus atau perisian umum secara rundingan terus berdasarkan kepada takrifan, had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat seperti berikut:-

i). **Takrifan**

- a) Perisian Khusus : Perisian yang mempunyai fungsi khusus melibatkan pengguna spesifik seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), perubatan, Kejuruteraan, Keselamatan strategik, meteorology dan lain-lain.
- b) Perisian Umum : Perisian yang mempunyai fungsi umum yang diguna sama oleh kebanyakan PTJ

ii). **Had Nilai Dan Kuasa Melulus**

a) Perisian Khusus

Had Nilai	Kuasa Melulus
Sehingga RM50 Ribu	Bendahari UKM
Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
Melebihi RM500 ribu sehingga RM20 juta	Lembaga Perolehan 'B'
Melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta	Lembaga Perolehan 'A'
Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan

b) Perisian Umum

Had Nilai	Kuasa Melulus
Sehingga RM50 Ribu	Bendahari UKM
Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
Melebihi RM500 ribu sehingga RM1 juta	Lembaga Perolehan 'B'
Melebihi RM1 juta	Kementerian Kewangan

iii). **Syarat-syarat:**

- a. Peruntukan Kewangan telah diluluskan dan mencukupi;
- b. Perisian berkenaan boleh diperoleh daripada pemilik perisian atau pembekal tunggal/agen tunggal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- c. Pembekal tunggal/agen tunggal hendaklah mempunyai surat lantikan yang sah daripada pemilik perisian berkenaan;

- d. Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah dan menguntungkan kerajaan selaras dengan peraturan semasa;
 - e. Perolehan hanya untuk perisian komputer sahaja dan tidak termasuk perkakasan; dan
 - f. PTJ hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada Jawatakuasa ICT UKM jika jumlah perolehan sehingga RM500 ribu. Jika jumlah melebihi RM500 hingga RM 3 juta perlu mendapat kelulusan teknikal daripada Jawatakuasa ICT Kementerian Pengajian Tinggi. Jika melebihi RM 3 juta pula perlu mendapat kelulusan MAMPU.
4. Had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat di perenggan 3 adalah juga terpakai untuk perolehan yang melibatkan naik taraf perisian komputer atau pembaharuan lesen.

B. PEROLEHAN PANGKALAN DATA, JURNAL DAN MAKLUMAT SECARA ATAS TALIAN

5. PTJ adalah dibenarkan membuat perolehan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian tertakluk kepada had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat seperti berikut :-

i). **Had Nilai Dan Kuasa Melulus**

Had Nilai	Kuasa Melulus
Sehingga RM50 Ribu	Bendahari UKM
Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
Melebihi RM500 ribu sehingga RM20 juta	Lembaga Perolehan 'B'
Melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta	Lembaga Perolehan 'A'
Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan

ii). **Syarat-syarat**

- a. Peruntukan kewangan telah diluluskan dan adalah mencukupi;
- b. Perolehan dibuat daripada mana-mana pemilik atau pembekal tunggal/agen tunggal sama ada yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- c. Pembekal tunggal/agen tunggal hendaklah mempunyai surat lantikan yang sah daripada pemilik pangkalan data, jurnal dan maklumat berkenaan
- d. Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah dan menguntungkan Kerajaan selaras dengan peraturan semasa; dan
- e. PTJ hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada Jawatakuasa ICT UKM jika jumlah perolehan sehingga RM500 ribu. Jika jumlah melebihi RM500 hingga RM 3 juta perlu mendapat kelulusan teknikal daripada Jawatakuasa ICT Kementerian Pengajian Tinggi. Jika melebihi RM 3 juta pula perlu mendapat kelulusan MAMPU.

6. Had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat di perenggan 5 adalah juga terpakai untuk perolehan yang melibatkan pelanjutan tempoh langganan pangkalan data, jurnal dan maklumat atas talian.

C. PERLANJUTAN KONTRAK PENYELENGGARAAN DAN MENAIK TARAF BAGI PERKHIDMATAN RANGKAIAN ICT DAN PERKHIDMATAN INTERNET DI PTJ

7. PTJ adalah dibenarkan melanjutkan kontrak penyelenggaraan dan menaiktaraf bagi perkhidmatan rangkaian ICT dan perkhidmatan internet dengan pembekal perkhidmatan sedia ada tertakluk kepada had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat seperti berikut :-

i). Had Nilai Dan Kuasa Melulus

Had Nilai	Kuasa Melulus
Sehingga RM200 Ribu	Bendahari UKM / Ketua PTJ
Melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
Melebihi RM500 ribu sehingga RM20 juta	Lembaga Perolehan 'B'
Melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta	Lembaga Perolehan 'A'
Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan

ii). Syarat-syarat

- a. Kontrak semasa masih berkuat kuasa semasa perolehan dibuat;
- b. PTJ hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada Jawatankuasa ICT UKM jika jumlah perolehan sehingga RM500 ribu. Jika jumlah melebihi RM500 hingga RM 3 juta perlu mendapat kelulusan teknikal daripada Jawatankuasa ICT Kementerian Pengajian Tinggi. Jika melebihi RM 3 juta pula perlu mendapat kelulusan MAMPU.
- c. Pembekal hendaklah mempunyai lesen yang sah daripada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang yang berkaitan; dan
- d. Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah yang menguntungkan Kerajaan selaras dengan peraturan semasa yang berkuatkuasa.
- e. Tempoh kontrak yang munasabah dan hendaklah mengambil kira pelaksanaan 1GovNet di PTJ.

8. Had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat di perenggan 7 tidak terpakai untuk perolehan baru atau peluasan skop perkhidmatan rangkaian ICT dan perkhidmatan internet. Walaubagaimanapun, PTJ hendaklah mendapatkan kelulusan MAMPU sebelum perolehan dilaksanakan.

D. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL/KETUA PTJ

9. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan setiap perolehan perisian komputer, langganan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian serta pelanjutan kontrak penyelenggaraan dan menaiktaraf bagi perkhidmatan rangkaian ICT dan perkhidmatan internet adalah berdasarkan keperluan PTJ. Pemantauan rapi hendaklah dibuat bagi memastikan syarat-syarat di atas dipatuhi sepenuhnya. Ketua PTJ juga hendaklah memastikan setiap perolehan digunakan secara optimum dengan dikongsi oleh seberapa ramai pengguna terutamanya bagi langganan perisian, jurnal dan maklumat atas talian.

E. KUAT KUASA

10. SPP ini berkuat kuasa daripada tarikh surat ini ditandatangani.

11. Peraturan yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 201 Perubahan Dan Pelanjutan Tempoh Kontrak Bekalan Dan Perkhidmatan adalah tidak terpakai kepada SPP ini.

F. PEMBATALAN

12. Dengan berkuat kuasanya SPP ini, Pekeliling Bendahari berikut adalah dibatalkan:

- i). Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2002
- ii). Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2009
- iii). Pekeliling Bendahari Bil. 04/2009.

G. HAL-HAL LAIN


13. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai SPP ini, PTJ boleh menghubungi Pn. Sharifah Baharum di talian telefon 03-89213553 atau En. Redzuan Nayan di talian 03-89214438.

Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Surat Pekeliling Bendahari ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,


MOHD ABD. RASHID MOHD FADZIL

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
- Pendaftar, UKM